



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan

Bandar Baru Tunjong,

16010 Kota Bharu, Kelantan.

Tel : 09-741 8000

Faks : 09-748 2554

Laman Web : jpnkelantan.moe.gov.my

Ruj. Kami : JPNKN.600-3/5/5 Jld.3 (66)

Tarikh 20 Julai 2023

Encik Wong Chiew Peng
Setiausaha Pertandingan
Persatuan Belia Buddist Malaysia
No.9, Jalan SS25/24
Taman Mayang
47301 Petaling Jaya
SELANGOR

Tuan,

MAKLUM BALAS PERMOHONAN KEBENARAN PENGANJURAN DAN PENGLIBATAN MURID DALAM PERTANDINGAN PENGETAHUAN AM KEAGAMAAN BUDDHA KEPADA MURID BERAGAMA BUDDHA NEGERI KELANTAN

Dengan hormatnya surat Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) KPM.600-12/1/4 Jld.41 (64) bertarikh 2 Jun 2023 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Kelantan telah menerima dan meneliti permohonan program di atas daripada pihak tuan. Pihak JPN Kelantan mengalu-alukan kerjasama dengan pihak tuan dalam pembangunan kokurikulum di negeri ini.

3. Sehubungan itu, JPN Kelantan mengambil maklum akan permohonan tuan serta **tiada halangan** untuk membenarkan murid beragama Buddha Negeri Kelantan untuk menyertai **Pertandingan Pengetahuan Am Keagamaan Buddha** pada **31 Ogos 2023** secara dalam talian.

4. Kelulusan ini tertakluk kepada syarat dan pematuhan **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.5/2018, Panduan Penglibatan Murid-Murid Sekolah Dalam Program Atau Anjuran Agensi-Agensi Selain Daripada Agensi Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia**. Aspek kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan murid hendaklah diutamakan sepertimana terkandung dalam **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.8/1995, Bil.7/1988 dan Bil.8/2009** serta mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Antaranya adalah:

- 4.1 Program yang dilaksanakan **secara bersemuka** perlu mematuhi garis panduan di atas dan mengutamakan aspek kebajikan, keselamatan dan kesihatan murid;
- 4.2 Semua murid terlibat hendaklah mendapatkan kebenaran dan persetujuan daripada Pengetua / Guru Besar bagi menyertai program ini;
- 4.3 Penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran bertulis dari ibubapa atau penjaga;
- 4.4 Pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkenaan;
- 4.5 Surat kelulusan ini tidak boleh digunapakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 4.6 Memastikan penyertaan murid **tidak mengganggu atau menjejaskan** proses pengajaran dan pembelajaran mereka;

...2/-

Ruj.Kami : JPNKN.600-3/5/5 Jld.3 (66)

- 4.7 Pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya pihak sekolah boleh memaklumkan kepada murid terlibat;
- 4.8 Sekiranya sekolah yang dijemput mempunyai program pada hari cuti hujung minggu, pihak penganjur perlu memberikan laluan murid terlibat untuk mengikuti program sekolah;
- 4.9 penggunaan logo JPN Kelantan tanpa kebenaran adalah tidak dibenarkan. Pihak penganjur perlu mengemukakan permohonan kepada Unit Perhubungan JPN Kelantan selepas mendapatkan maklum balas permohonan ini;
- 4.10 **Tiada implikasi kewangan** kepada Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah serta murid yang terlibat (SPI Bil.5/2018);
- 4.11 pihak agensi dimohon memastikan agar penerapan nilai murni dapat dijadikan sebagai salah satu perkara yang wajib dilaksanakan sebelum/semasa/selepas program berlangsung bagi mendokong elemen urus insan (Human Governance) dalam kalangan murid sekolah di bawah KPM (*seperti pemupukan integriti, bersikap jujur, amanah, hormat antara satu sama lain, sifat jati diri terpuji, beretika, bertimbang rasa, adab yang baik dan lain-lain*);
- 4.12 Pihak penganjur dipohon mengemukakan **satu salinan laporan program** yang dijalankan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan dalam tempoh 30 hari selepas tamat program, untuk tujuan pengiktirafan program bagi markah kokurikulum;
- 4.13 Tarikh akhir kunci masuk markah dalam sistem Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) adalah pada **31 Disember 2023**. Sehubungan itu, penganjur disarankan untuk **menyelesaikan semua aktiviti pada atau sebelum 30 November 2023**; dan
- 4.14 JPN Kelantan berhak menarik balik surat kelulusan sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa.

5. Surat kelulusan ini hanya untuk Persatuan Belia Buddist Malaysia yang akan menganjurkan **Pertandingan Pengetahuan Am Keagamaan Buddha** pada **31 Ogos 2023** secara dalam talian. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan.

6. Sebarang pertanyaan, sila hubungi **Cik Noor Hezleen binti Sazali, Unit Pembangunan Bakat Murid JPN Kelantan** di talian **09-7418184**.

Sekian, kerjasama dan sokongan tuan dalam perkara ini amatlah dihargai.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


HJ MASHADI BIN DATO' HJ MUSTAFA B.S.K., A.S.K.

Timbalan Pengarah Pendidikan
Sektor Pembangunan Murid
b.p. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan

HEZLEEN/BBL/agensiluar